



Info Diagnostik

Edisi 02/2025



ULAT PENGOREK BIJI DURIAN

Nama Saintifik: *Mudaria magniplaga*

Nama Biasa: Ulat Pengorek Biji Durian

Famili: Noctuidae

Order: Lepidoptera

Larva menetas (berwarna merah jambu) mengorek kulit buah, isi dan biji.
Telur (4 – 5 hari), Larva (14 – 21 hari)



Kelihatan frass basah berhampiran lubang serangan. Kehadiran frass kering menandakan larva telah menjadi kepompong.

Larva matang keluar daripada buah dan membentuk kepompong di dalam tanah.
Kepompong (20 hari – 10 bulan)



Kupu – kupu dewasa (10 – 20 hari) bertelur pada permukaan buah durian seawal usia 6 minggu pembentukan buah dan aktif pada waktu malam.

Pengurusan Perosak (IPM)

- Balut buah muda seawal usia 6 - 8 minggu pembentukan buah untuk mengelakkan pengorek dewasa bertelur.
- Lakukan penjarangan buah untuk mengelakkan buah terlalu padat dan bersentuhan kerana ianya menjadi tempat kupu - kupu betina bertelur.
- Musnahkan buah yang diserang, rosak atau gugur.
- Pantau kehadiran dan populasi dewasa menggunakan perangkap cahaya atau feromon.

HUBUNGI KAMI:

SEKSYEN DIAGNOSTIK DAN KEPAKARAN PEROSAK TUMBUHAN

BAHAGIAN BIOSEKURITI TUMBUHAN, JABATAN PERTANIAN KUALA LUMPUR

UNIT ENTOMOLOGI



03- 2697 7134



entomologi.doa@gmail.com